

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 27 September 2020 3:04 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Profesor UUM Berjaya Anjur ICIG2020 Secara Maya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 SEPTEMBER 2020 / 9 SAFAR 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Madya Dr. Mohammad Azam Hussain
Gambar oleh: MPUUM

MAJLIS PROFESOR UUM BERJAYA ANJUR ICIG2020 SECARA MAYA



UUM ONLINE: Pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini tidak menghalang penganjuran *International Conference on Internet Governance 2020* (ICIG2020) oleh Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia (MPUUM) melalui Kluster Governans dan Integriti yang diadakan secara maya, baru-baru ini.

Mengangkat tema '*Addressing the Issues of Cyberspace Sovereignty, Cybersecurity and Internet Governance*', ICIG2020 menjadi platform perbincangan akademik melibatkan pembentang dari dalam dan luar negara.

Persidangan antarabangsa itu telah dirasmikan Pengerusi MPUUM, Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan yang mana dalam ucapannya berkata, walaupun pertama kali dianjurkan, ICIG2020 telah Berjaya menarik ramai peserta meskipun diadakan secara maya (virtual conference) di UUM.

“Ini menunjukkan bahawa medan percambahan ilmu secara maya adalah merupakan alternatif terbaik dilaksanakan ketika dunia dilanda pandemik Covid-19.

“ICIG2020 ini bukan sekadar menjadi platform perbincangan akademik, bahkan ianya juga menjadi bukti bahawa gabungan kerjasama merentasi sempadan antara pusat-pusat pengajian di UUM bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dipraktikkan, bahkan berupaya menghasilkan *output* yang lebih baik,” katanya yang berharap persidangan itu dijadikan sebagai acara tahunan MPUUM.

Sementara itu, Pengarah ICIG2020, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed yang juga Pengerusi Kluster Governans dan Integriti, MPUUM berkata, kombinasi jawatankuasa kerja dari pelbagai pusat pengajian seperti Pusat Pengajian Kerajaan (SOG), Pusat Pengajian Undang-undang (SOL), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) serta Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah berjaya merealisasikan penganjuran persidangan secara maya itu.

Menurutnya, seluruh jawatankuasa kerja ICIG2020 melahirkan rasa syukur atas kejayaan penganjuran ICIG2020 dan apa yang penting ialah penyertaan dan penganjuran persidangan secara maya ini telah memberi pengalaman baru kepada semua peserta terlibat termasuk penganjur.

Persidangan tersebut turut menjemput Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Ir. Md. Shah Nuri Md. Zain sebagai pengucaptama dengan tajuk ‘*Cyber Sovereignty, Cybersecurity and Internet Governance: The Malaysia’s Perspective*’.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.